

Mengenai pematuhan ubat

Apakah maksud kepatuhan dan komplians?

Kekerapan kepatuhan kepada ubat

Bagaimanakah penyakit jangka masa panjang dikaitkan dengan kepatuhan dan komplians?

Kenapakah pesakit tidak mengambil ubat mereka seperti yang diarahkan?

Rujukan

Apakah maksud kepatuhan dan komplians?



Komplians memberi gambaran hubungan satu hala, di mana doktor memberi regimen perubatan dan pesakit dihindaki mengikuti arahan doktor. Manakala, **kepatuhan** adalah "penglibatan pesakit yang aktif, secara sukarela, dan bekerjasama dengan tingkahlaku yang dapat diterima secara bersamaan untuk menghasilkan keputusan terapeutik". Dengan ini, pesakit berkongsi dalam membuat keputusan dengan penjagaan kesihatan, dan kedua-dua pesakit dan pakar kesihatan bersetuju dengan sasaran rawatan dan regimen perubatan tersebut.^{1,2}

Kepatuhan kepada terapi adalah sangat penting dalam pengurusan penyakit jangka masa panjang seperti penyakit jantung dan **diabetes**.³ Pertubuhan Kesihatan Sedunia menafrifkan kepatuhan kepada terapi jangka masa panjang sebagai "tahap tingkahlaku seseorang – mengambil ubat, mengikuti diet, dan/atau menjalani perubahan gaya hidup, selaras dengan cadangan yang disetujui dari pakar penjagaan kesihatan".⁴



Kepatuhan kepada ubat boleh dinilai berdasarkan cara-cara secara langsung dan tidak langsung²:

Contoh-contoh secara langsung: Pekerja kesihatan memerhatikan pesakit mengambil setiap dos ubat, ukuran paras ubat di dalam darah.

Contoh secara tidak langsung: Kajian, diari, laporan pesakit, kadar pengisian semula di farmasi, kiraan pil, pemantauan tindak balas klinikal dan data elektronik.


Kekerapan kepatuhan kepada ubat



Dalam negara-negara maju, kepatuhan dalam kalangan pesakit dengan penyakit jangka masa panjang seperti tekanan darah (blood pressure – BP) tinggi adalah hanya **50%** secara purata, dan nombor ini dianggap lebih teruk dalam negara-negara membangun.⁴



Di Malaysia, kepatuhan yang baik kepada ubat BP tinggi didapati berada pada **53.4%**.⁵



Di Amerika Syarikat, 65.4% pesakit-pesakit diabetes tahap 2 mencapai kadar kepatuhan **80%** atau lebih pada tahun pertama terapi ubat.⁶



Satu kajian menunjukkan bahawa 2 tahun selepas dimasukkan ke hospital untuk sindrom akut koronari (acute coronary syndrome); contohnya, serangan jantung atau sakit dada yang tidak dijangka, hanya sebanyak **40%** pesakit terus mengambil ubat statin (ubat menurunkan kolesterol).²

Tiada kepatuhan boleh dilihat melalui banyak cara, contohnya, dengan tidak mengisi semula preskripsi baru atau mengambil dos yang kurang daripada yang dicadangkan oleh doktor. Lanya didapati bahawa 20–22% daripada preskripsi baru untuk penyakit jangka masa panjang seperti **BP tinggi**, **diabetes** dan **kolesterol tinggi** tidak diisi.³

Bagaimanakah penyakit jangka masa panjang dikaitkan dengan kepatuhan dan komplians?




Kepatuhan yang tidak baik kepada piawai penjagaan yang diakui ialah sebab utama disebalik perkembangan **komplikasi diabetes**.⁴ Halangan yang paling besar adalah komplians kepada terapi insulin.⁷

Sama juga, sebab utama kegagalan mengawal tekanan darah(blood pressure – BP) tinggi ialah kepatuhan yang tidak baik. La dianggarkan bahawa kepatuhan yang buruk menyumbang kepada lebih daripada dua pertiga jumlah orang yang mengalami BP tinggi.⁴ Tiada komplians kepada ubat boleh menyebabkan BP tidak mencapai sasaran walaupun diberi preskripsi sehingga tiga jenis ubat BP.⁸

Kadar BP tinggi, diabetes dan kolesterol tinggi yang tidak terkawal di Malaysia

- **BP tinggi:** Hanya 35% pesakit mencapai kawalan BP semasa dirawat.⁸
- **Diabetes:** Dalam klinik kerajaan, hanya 23.8% pesakit dengan diabetes tahap 2 mencapai sasaran HbA1c negara.⁹
- **Kolesterol tinggi:** Dalam kalangan pesakit dengan diabetes tahap 2, hanya 28.5% mencapai sasaran jumlah kolesterol dan 37.8% mencapai sasaran kolesterol lipoprotein ketumpatan rendah ("buruk") masing-masing.⁹

Kenapakah pesakit tidak mengambil ubat mereka seperti yang diarahkan?



- Ubat adalah untuk penyakit yang tidak menyebabkan mereka mengalami apa-apa simptom, contohnya, **tekanan darah tinggi atau kolesterol tinggi**³
- Kurang pemahaman mengenai penyakit³
- Sifat pelupa¹⁰
- Tidak faham atau keliru mengenai arahan, contohnya, bagaimana dan bila masa untuk diambil.¹¹



- Tidak yakin ubat berkesan¹⁰
- Tidak yakin ubat sedang berfungsi¹⁰
- Terdapat kesan sampingan^{10,11}
- Takut (contohnya, kebergantungan kepada ubat atau kesan sampingan)¹¹



- Jangka masa atau kerumitan rawatan¹¹
- Terpaksa mengambil ubat beberapa kali dalam sehari³
- Kesukaran dalam mengambil ubat (sebagai contoh, keliru mengenai penggunaan suntikan atau ubat sedut)¹⁰



- Hubungan yang tidak baik di antara pesakit dan pakar kesihatan³
- Terlepas temu janji dengan doktor³
- Harga ubat (terlalu mahal)¹¹

Rujukan

1. Gould E, Mitty E. *Geriatr Nurs* 2010;31:290–298.
2. Ho PM, et al. *Circulation* 2009;119:3028–3035.
3. PhRMA. Improving prescription medicine adherence is key to better health care. Available at https://www.phrma.org/-/media/Project/PhRMA/PhRMA-Org/PhRMA-Org/PDF/Patient_Savings_Programs_FINAL_062413.pdf. Accessed 8 October, 2019.
4. World Health Organization. Adherence to long-term therapies: Evidence for action [Updated 2003]. Available at http://www.who.int/chp/knowledge/publications/adherence_full_report.pdf. Accessed 19 September, 2019.
5. Ramli A, et al. *Patient prefer adherence* 2012;6:613–622.
6. Briesacher BA, et al. *Pharmacotherapy* 2008;28:437–443.
7. Ministry of Health Malaysia. Clinical practice guidelines: Management of type 2 diabetes mellitus (5th Edition); 2015.
8. Ministry of Health Malaysia. Clinical practice guidelines: Management of hypertension (4th Edition); 2013.
9. Feisul I, Azmi S. National Diabetes Registry, 2009–2012. Putrajaya: Non-communicable disease section, Disease control division, Department of public health, Ministry of Health Malaysia; 2013.
10. American Heart Association. Medication adherence-taking your meds as directed. Available at http://www.heart.org/heartorg/conditions/more/consumerhealthcare/medication-adherence---taking-your-meds-as-directed_ucm_453329_article.jsp#VuJnIPyUfHQ. Accessed 19 September, 2019.
11. National Stroke Association. Medication adherence and compliance. Available at <https://www.stroke.org/en/health-topics/consumer-healthcare/medication-information/medication-adherence-taking-your-meds-as-directed>. Accessed 8 October, 2019.